

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 10.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina di kawasan Kota Kinabalu yang disokong oleh beberapa pemimpin kerajaan negeri. Permintaan untuk penambahan tersebut bukan sahaja datang daripada ibu bapa berbangsa Cina tetapi juga daripada bangsa lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan perpindahan SJK(C) Chi Hwa Weston, Beaufort ke Kolombong, Kota Kinabalu untuk menangani isu kepadatan enrolmen di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu. Namun murid di SJK(C) Che Hwa Kolombong Kota Kinabalu pada tahun 2014 ini hanya 85 orang dan hanya 2 kelas diisi, sedangkan sekolah tersebut mempunyai 12 bilik darjah yang boleh menampung 500 orang pelajar.

Ingin ditegaskan bahawa pada dasarnya segala perancangan pembinaan sekolah baharu adalah memberi keutamaan kepada

pembinaan sekolah yang dapat memenuhi keperluan semua masyarakat pelbagai kaum iaitu sekolah aliran kebangsaan. KPM berkeyakinan bahawa sekolah aliran kebangsaan merupakan wadah untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum.

RJM101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7194**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebabnya sesetengah pasukan RELA di kawasan Parlimen Tebrau masih belum dibekalkan *uniform* baru.

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, *uniform* baru RELA ialah Pakaian Operasi Digital (POD). Memandangkan jumlah anggota RELA yang ramai iaitu 2.94 juta, Kerajaan telah memutuskan pembiayaan POD ini dibiayai daripada sumbangan Ahli-Ahli Parlimen yang mana sepasang berharga RM100 (baju dan seluar sahaja) secara berperingkat. Sumbangan yang disarankan adalah sebanyak RM50,000 setahun bagi setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional. Setakat ini kurang daripada 34.5 peratus (%) yang bersedia dan mengesahkan persetujuan mereka untuk menyalurkan sumbangan. Pada tahun ini Kerajaan negeri Sarawak turut menyalurkan sumbangan sebanyak RM250,000 bagi pembiayaan POD anggota RELA Sarawak. Keutamaan pembekalan POD peringkat awal ini ialah kepada pegawai tetap, anggota bertugas harian dan anggota *Crisis Management Team* (CMT) RELA. Kementerian sedang berusaha supaya lebih banyak anggota RELA yang aktif dapat dibekalkan dengan POD secara berperingkat termasuk anggota-anggota RELA di Tebrau

Saya juga mengucapkan terima kasih atas persetujuan Ahli Yang Berhormat Tebrau kerana bersedia menyumbangkan RM50 ribu untuk pembiayaan POD bagi anggota-anggota RELA Tebrau .